



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
MINISTRY OF NATIONAL UNITY
Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F
Level 5-10, Block F9, Complex F
Lebuhr Perdana Timur, Presint 1
62000 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-8091 8000
Faks : 03-8091 8239
Laman Web : www.perpaduan.gov.my

Ruj. Kami: KPN.BA.400-4/1/2(39)
Tarikh : 13 Februari 2024

SENARAI SEPERTI DI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

ARAHAN OPERASI KETUA AKAUNTAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN) BIL 2/2024 – PERMOHONAN PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Kementerian Kewangan No. Ruj:MOF.NBO(S)600-8/2/9 bertarikh 9 Februari 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa permohonan pembayaran di bawah AP58(a) telah mula diproses oleh Bahagian Akaun KPN. Permohonan pembayaran di bawah AP58(a) perlu disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023 (Tatacara Pengurusan Bayaran) dan perlu dikemukakan kepada Bahagian Akaun, KPN selewat-lewatnya pada **15 April 2024 (Isnin)**.

3. Permohonan kelulusan AP 58(a) hanya akan diproses di Bahagian Akaun KPN sekiranya baki peruntukan pada hujung tahun kewangan mencukupi. Sekiranya baki peruntukan pada hujung tahun kewangan tidak mencukupi permohonan kelulusan AP58(a) perlulah dihantar ke Seksyen Kewangan Dan Perolehan KPN bagi mendapatkan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Bersama-sama ini dikemukakan Tatacara Permohonan


4. Surat Arahan dan tatacara Permohonan AP58(a) ini hendaklah dibaca bersama Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 2023 (Tatacara Pengurusan Bayaran).

5. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(SH. SAIDTUL FAZILAH BINTI S. AZMAN ZURIMY @ AYEOP ABD KHALIL
C.A.(M))

b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

s.k:

- 1) Ketua Setiausaha
- 2) Timbalan Ketua Setiausaha
- 3) Setiausaha Bahagian (Kanan)

TATACARA PERMOHONAN PEMBAYARAN AP 58(a) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN) TAHUN 2024

1. PENGENALAN

Bayaran di bawah AP 58(a) merujuk kepada pembayaran yang memerlukan kebenaran khas di bawah perbelanjaan mengurus yang berkaitan dengan pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan 2023 di mana pembayarannya dibuat dalam tahun kewangan semasa (tahun 2023) dengan menggunakan peruntukan mengurus tahun semasa. Panduan pembayaran di bawah AP58(a) ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 5 Tahun 2023.

2. TATACARA PERMOHONAN

2.1 PTJ hendaklah memastikan permohonan pembayaran di bawah AP 58(a) dibuat dengan segera dengan mengambil kira baki peruntukan semasa tahun 2024 adalah mencukupi.

2.2 Permohonan pembayaran di bawah AP 58(a) hanya akan dipertimbangkan dengan syarat berikut:

2.2.1 Baki peruntukan mencukupi bagi tahun perbelanjaan itu sepatutnya dibayar iaitu tahun 2023;

2.2.2 Baki peruntukan tahun semasa mencukupi (tahun 2024); dan

2.2.3 Huraian sebab-sebab berlakunya kelewatan dan nama pegawai yang bertanggungjawab yang mana kedua-duanya perlu dinyatakan dengan jelas dalam permohonan AP 58(a).

2.3 Permohonan pengesahan baki peruntukan dan kelulusan AP 58(a) hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

2.3.1 Daftar Pembayaran AP 58(a) seperti di **Lampiran A**

2.3.2 Dua (2) salinan permohonan Borang Sijil AP 58(a) seperti di **Lampiran C1**

2.3.3 Satu (1) salinan Senarai Penerima Bayaran seperti di **Lampiran C3**

- 2.3.4 Satu (1) salinan dokumen yang telah diperaku “salinan Benar Daripada Yang Asal” (contoh: Bil/invois, Pesanan Kerajaan dan lain-lain); dan
 - 2.3.5 Justifikasi merujuk kepada huraian sebab berlakunya kelewatan dan nama pegawai yang bertanggungjawab.
 - 2.3.6 Lampiran baki vot terkini bagi tahun semasa dan lampiran bagi vot tahun terdahulu.
- 2.4 PTJ hendaklah mendapatkan pengesahan baki peruntukan mengikut situasi berikut:
- 2.4.1 **Kementerian menyelaras dan menarik baki peruntukan di semua PTJ pada hujung tahun kewangan.**

Mendapatkan pengesahan baki peruntukan berdasarkan Objek Am (OA) daripada Seksyen Kewangan, KPN sebelum mengemukakan permohonan kelulusan bayaran di bawah AP 58(a) kepada Bahagian Akaun KPN/ AO.
 - 2.4.2 **PTJ masih mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada hujung tahun kewangan.**

Pengesahan baki peruntukan dilakukan oleh PTJ berdasarkan Objek Sebagai (OS) sebelum mengemukakan permohonan kelulusan bayaran di bawah AP58(a) kepada Bahagian Akaun KPN/ AO.
 - 2.4.3 **Kementerian/ Jabatan tidak mempunyai baki peruntukan yang tidak mencukupi pada hujung tahun kewangan.**

Mendapatkan kelulusan khas bayaran di bawah AP 58(a) daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan melalui Seksyen Kewangan KPN.
- 2.5 PTJ melalui Seksyen Kewangan KPN hendaklah mengemukakan permohonan terus kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk mendapatkan kelulusan khas bagi keadaan seperti berikut:
- 2.5.1 Baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar di peringkat Kementerian/ Jabatan tiada/ tidak mencukupi; atau

2.5.2 Bayaran bagi tuntutan yang melangkaui dua (2) tahun dari tahun semasa; atau

2.5.3 Ditolak oleh Bahagian Akaun KPN/ AO disebabkan oleh kelewatan pembayaran, pembayaran tidak memuaskan atau jika terdapat keraguan.

2.6 Kementerian/ Jabatan dan AO boleh menolak/kuri permohonan pembayaran di bawah AP 58(a) jika syarat dan dokumen sokongan tidak dipatuhi.

2.7 PTJ hendaklah terus menyediakan Arahan Pembayaran tanpa perlu memohon kelulusan pembayaran di bawah AP 58(a) daripada AO sekiranya kelulusan khas daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah diperolehi.

3. KAWALAN PENYEDIAAN ARAHAN PEMBAYARAN DAN SEMAKAN LAPORAN

3.1 PTJ perlu menanda kotak AP 58(a) di Arahan Pembayaran, dan catatkan nombor rujukan dan tarikh Sijil Kelulusan AP 58(a)/ surat kelulusan khas di ruangan perihal bayaran.

3.2 PTJ perlu memastikan semua pembayaran di bawah AP58(a) perlu di selesaikan segera pada awal tahun 2024. Sebarang kelewatan permohonan sijil AP58(a) yang melangkaui tarikh 30 April 2024 perlulah mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia.

3.3 PTJ hendaklah menyemak Laporan Kedudukan Bil/ Invois bagi memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari daripada tarikh kelulusan Sijil AP 58(a) atau kelulusan khas daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

3.4 PTJ bertanggungjawab memastikan bayaran fi perkhidmatan eP dikenakan pada Arahan Pembayaran bagi perolehan bekla/perkhidmatan dibawah AP58(a) (jika berkaitan).

Disediakan oleh:

BAHAGIAN AKAUN

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

FEBRUARI 2024

SIJIL KELULUSAN AP58(a)

1. Maklumat PTJ:		
Kod Kumpulan PTJ:	Kod Vot:	Kod Dana:
Kod PTJ:	Kod Program/Aktiviti:	No. Tel./Faks./E-mel:
2. Tuntutan/Bil oleh Jabatan/PTJ:		
	TAHUN PERBELANJAAN	TAHUN SEMASA
Objek Sebagai		
Baki Peruntukan	RM	RM
Amaun Dalam Arahan Pembayaran	RM	RM
* Baki Baharu (*baki peruntukan setelah ditolak amaun dalam Arahan Pembayaran)	RM	RM
3. PTJ bertanggungjawab memastikan tatacara perolehan dipatuhi berdasarkan peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa. Sebab-sebab kelewatan mengemukakan Bil/Invois/ Pesanan Kerajaan/tuntutan untuk membuat bayaran: 1) 2) 3)		
4. Maklumat Pemohon dan Pegawai Pengesah:		
Perakuan oleh pegawai yang bertanggungjawab:		Pengesahan oleh Ketua Pejabat/PTJ:
Tandatangan:		Tandatangan:
Nama :		Nama :
Jawatan :		Jawatan :
Tarikh:		Tarikh:
		Cap Rasmi Jabatan:
5. Pengesahan Baki Peruntukan oleh Kementerian/PTJ:		
	TAHUN PERBELANJAAN	TAHUN SEMASA
Objek Am (OA)/Objek Sebagai (OS)		
Baki Peruntukan yang diluluskan.		
DILULUSKAN/DITOLAK		
Ulasan:		
Tandatangan :		
Nama :		
Jawatan :		
Tarikh :		
Cap Rasmi Jabatan:		
Nota: Sekiranya mendapat kelulusan khas, sila masukkan nombor rujukan kelulusan pada Arahan Pembayaran.		
6. Untuk Kegunaan Pejabat Perakaunan:		
*DILULUSKAN/DITOLAK	No. Rujukan AP58(a):	
	Tarikh Kelulusan:	
	Tandatangan:	
	Nama:	
Ulasan:	Jawatan:	
	Cap Rasmi Jabatan:	

SENARAI PENERIMA BAYARAN DI BAWAH AP58(a)

Bil.	Nama Penerima Bayaran	Nombor Rujukan Sijil Kelulusan / Surat Kelulusan Khas	Amaun (RM)
Jumlah Keseluruhan			